

ZCZC B511  
MAHATHIR 'R'R'R'

1983

ALOR STAR, 26 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENAFIKAN KHABAR-KHABAR ANGIN KONONNYA BELIAU AKAN MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI PERDANA MENTERI.

DENGAN IRINGAN TEPUKAN GEMURUH DARIPADA KIRA-KIRA 50,000 ORANG RAKYAT YANG MEMBANJIRI LAPANGAN TERBANG SULTAN ABDUL HALIM DI KEPALA BATAS DEKAT SINI UNTUK MENYAMBUK KETIBAANNYA BELIAU BERIKRAR AKAN TERUS MEMIMPIN NEGARA SELAGI DIPERLUKAN OLEH RAKYAT.

BELIAU JUGA BERIKRAR AKAN TERUS BERJUANG BAGI MENCAPAI SEGALA CITA-CITA DAN HASRAT RAKYAT.

'BUKAN SAYA SENDIRI YANG MEMILIH DIRI SAYA MENJADI PERDANA MENTERI. RAKYAT YANG MEMILIH SAYA. DENGAN ITU SAYA TIDAK BERHAK MELETAKKAN JAWATAN MELAINKAN RAKYAT SENDIRI YANG MENYURUH,' KATANYA DISAMBUK DENGAN PEKIKAN 'JANGAN' 'JANGAN' DAN 'HIDUP MAHATHIR.'

BELIAU MENAMBAH: 'SAYA AKAN BERUNDUR DENGAN RELA HATI SEKIRANYA RAKYAT BERFIKIR SAYA TIDAK LAGI LAYAK MEMIMPIN.'

'TIDAK ADA PIHAK LAIN YANG BOLEH MENYURUH SAYA MELETAKKAN JAWATAN SELAIN DARIPADA RAKYAT,' TEGASNYA LAGI. -- LAGI 1200/II

ZCZC B512  
MAHATHIR 2 ALOR STAR 'R'R'R'

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGANGGAP DIRINYA SEBAGAI + ALAT + UNTUK DIGUNAKAN OLEH RAKYAT MENGIKUT KEHENDAK MEREKA.

+ JIKA RAKYAT FIKIR ALAT INI TIDAK GUNA LAGI, RAKYAT BOLEH BUANGKANNYA KE TEPI DAN PILIH YANG LAIN TETAPI ORANG ITU MESTILAH SANGGUP MENJALANKAN TUGASNYA, + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK AKAN KEKAL SELAMA-LAMA TETAPI YANG KEKAL IALAH RAKYAT SENDIRI.

+ MATI SEORANG RAKYAT, AKAN DIGANTI DENGAN DUA YANG LAIN, KALAU KITA RAJIN, + KATANYA DISAMBUK GELAK KETAWA.

SEBELUM ITU, BELIAU BERKATA JIKA DITINJAU DARI SEJARAH DIDAPATI BAHAWA RAKYAT TELAH MEMPERJUANGKAN NASIB MEREKA SENDIRI.

CONTOH YANG BAIK IALAH KETIKA MENENTANG PENUBUHAN MALAYAN UNION BILA SEMUA RAKYAT TELAH MEMBERI SOKONGAN YANG PENUH HINGGA PIHAK BRITISH TERPAKSA TUNDUK, KATANYA. -- LAGI 1205/II

ZCZC B513  
MAHATHIR 3 ALOR STAR

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA MEMILIH SISTEM DEMOKRASI KERANA IA ADALAH KEHENDAK RAKYAT SENDIRI KERANA MEREKA TAHU ITULAH CARA PALING BAIK UNTUK MEREKA.

+ SEJAK DIAMALKAN SISTEM ITU, RAKYAT SENDIRI TELAH MERASAI NIKMATNYA WALAUPUN MASIH BANYAK LAGI YANG PERLU DIBUAT, + KATANYA.

BELIAU BERKATA BAHAWA DENGAN SISTEM ITU KERAJAAN TIDAK HENDAK MENGAMBIL KUASA SESIAPA PUN TETAPI APA YANG HENDAK DIPERJUANGKAN ADALAH MENURUT KEHENDAK-KEHENDAK PERLEMBAGAAN.

+ KITA JUGA MAHU WUJUDKAN SEMANGAT CINTAKAN DEMOKRASI DI KALANGAN RAKYAT SEPERTI MANA YANG DITENTUKAN OLEH PERLEMBAGAAN, + KATANYA.

MENERUSI SISTEM DEMOKRASI JUGA RAKYAT BOLEH MENYINGKIRKAN MANA-MANA PEMIMPIN YANG MEREKA FIKIR TIDAK LAYAK. -- LAGI 1208/II

MAHATHIR 4 ALOR STAR 'R'R'R

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR SOKONGAN RAKYAT KEPADA PEMIMPINNYA TIDAK HANYA DAPAT DIUKUR MENERUSI JUMLAH UNDI YANG DIDAPATINYA DALAM PILIHANRAYA.

+ SOKONGAN SEBENAR IALAH DARI PERASAAN RAKYAT SENDIRI DAN TIDAK DENGAN UNDI ITU SAJA KERANA UNDI ITU ADALAH CUMA SEKEPING KERTAS, + KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENEGASKAN PERLUNYA DIKEKALKAN SISTEM + SUARA RAMAI MENGATASI SUARA TIDAK RAMAI + KERANA ITU ADALAH KEHENDAK RAKYAT DI NEGARA INI.

BELIAU YAKIN ITU AKAN MEMBOLEHKAN RAKYAT MEMBERI KEPERCAYAAN KEPADA PARA PEMIMPIN YANG MEREKA MAHU.

BAGI PIHAKNYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERJANJI AKAN TERUS CUBA MENCAPAI CITA-CITA DAN HASRAT RAKYAT.

+ INILAH IKRAR YANG BOLEH SAYA BERIKAN PAGI INI, + KATANYA DENGAN DISAMBUK TEPUKAN GEMURUH DAN LAUNGAN + HIDUP MAHATHIR +.

--- LAGI 1210/II

ZCZC B518

MAHATHIR 5 ALOR STAR 'R'R'R

MENGENAI MEMORANDUM DARI + ORANG-ORANG TERTENTU + SUPAYA KERAJAAN MENGHAPUSKAN PERLEMBAGAAN SEKARANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT INI ADALAH SATU BUKTI MEREKA CUBA MENUBUH SEBUAH REPUBLIK DI NEGARA INI.

WALAUPUN BELIAU TIDAK MENYEBUT PARTI YANG TERLIBAT, PEMERHATI-PEMERHATI MENGESAHKAN BAHAWA BELIAU TUJUKAN KENYATAAN TERSEBUT KEPADA PAS, YANG TELAH MENGHANTAR MEMORANDUM TERSEBUT BARU-BARU INI.

+ DALAM MEMORANDUM ITU, MEREKA MENYEBUT RINDAAN YANG KITA BUAT TIDAK BAIK DAN SEPATUTNYA PERLEMBAGAAN YANG ADA INI MESTILAH DIHAPUSKAN SAMA SEKALI, + KATA BELIAU.

+ NIAT MEREKA IALAH, DENGAN TIDAK ADA PERLEMBAGAAN AKAN MEMUDAHKAN MEREKA MENYINGKIRKAN INSTITUSI-INSTITUSI YANG ADA UNTUK MENUBUH SEBUAH REPUBLIK.

SEBALIKNYA, MENURUT PERDANA MENTERI, GOLONGAN INI CUBA BERHUJAH BAHAWA KERAJAAN YANG ADA SEKARANG YANG MAHU MENUBUHKAN REPUBLIK DI NEGARA INI. -- BERNAMA 1218/II